



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

15 Jan 2021 (Jumaat)

Utusan Malaysia

MAIS dibenar jadi pencelah	1
Cungkil bakat	2

Kosmo

6,136 kilang mampu semar sungai	3
202 pencemaran dilaporkan kepada JAS sepanjang 2020	4
Sungai terdedah sisa air buangan	5
Telan ubat tidur 5 hari berturut-turut	6
Jiwa patriotik Juliana Evans	7

Sinar Harian

Tiba masa UMNO buat pemilihan	8
-------------------------------	---

Selangor TV

ADN Sentosa Bantu 150 Keluarga Mangsa Banjir Di Pahang	9
Bakar Daun & Ranting Kering, MPKj Keluar Notis Amaran	10
LZS Had Operasi 13 Cawangan, Tidak Jejas Agihan	11
MB Ucap Selamat Hari Ponggal	12
MB Ucap Selamat Hari Ponggal	13
MBSA Arah Dua Premis Dobi Layan Diri Ditutup	14
MPK Periksa Penjaja Dan Peniaga	15
Pasar Awam Dipantau MPS	16
Pendaftaran Asuh Pintar Dibuka	17

The Star

Most parks in S'gor to be off limits	18
Three recreational areas in Klang to be disinfected	19
Contractor steps up measures to assure residents worried for safety	20

The Edge CEO Morning Brief

COUNCIL UPDATES	21
Azmin to apply to strike out suit by gombak voters as it is frivolous action- lawyer	22

China Press

Selangor Islamic Court reschedules litigation cases	23
Suspended public activities in mosques and prayer rooms in Selangor	24
An MPKJ official diagnosed with Covid-19, people are urged to use online services.	25
MAIS investigate a cosmetic entrepreneur	26
MDKL service counter is temporarily closed	27

Sin Chew Daily

Kajang road hole cannot make up, and the complaint system of Municipality road hole is poor	28
---	----



KERATAN AKHBAR
15 January 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	MAIS dibenar jadi pencilah
Muka Surat	:	13

MAIS dibenar jadi pencilah

PUTRAJAYA: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) beroleh kebenaran Mahkamah Persekutuan untuk menjadi pencilah dalam permohonan Sisters In Islam (SIS) Forum (Malaysia) bagi mencabar satu peruntukan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor.

Peruntukan yang dimaksudkan ialah Seksyen 66A yang memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah mendengar permohonan semakan kehakiman terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh badan itu atau mana-mana Jawatankuasa ditubuhkan di dalam Enakmen Pentadbiran itu.

Menurut peguam, Datuk Zainul Rijal Abu Bakar yang mewakili MAIS, Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Zabariah Mohd. Yusof membenarkan permohonan tersebut selepas mendapati badan tersebut mempunyai kepentingan langsung dalam permohonan oleh SIS itu.

Ini kerana MAIS berperanan dalam memberikan nasihat kepada Sultan Selangor berkaitan

hal ehwal agama Islam negeri itu. Kerajaan Negeri Selangor diwakili Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, Nur Irmawatie Daud juga tidak membantah permohonan berkenaan.

Dalam prosiding secara dalam talian itu, MAIS turut diwakili peguam-peguam Mohd. Akmal Abu Bakar dan Nor Adzrie Mohd. Noor manakala peguam Fahri Azzat hadir bagi pihak SIS.

Zainul Rijal turut memberitahu Mahkamah Persekutuan menetapkan 3 Februari ini untuk pengurusan kes berkenaan.

Pada 21 Januari 2020, SIS Forum memfailkan notis usul antara lainnya memohon deklarasi bahawa Seksyen 66A Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagai tidak sah.

Pada 27 Ogos 2019, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan semakan kehakiman SIS terhadap fatwa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang menyatakan NGO itu sebagai sesat atas alasan han-

ya Mahkamah Syariah Selangor boleh menentukan tindakan undang-undang terhadap fatwa yang dikeluarkan pihak berkuasa agama negeri.

Mahkamah Tinggi dalam keputusannya turut menyatakan Seksyen 66A adalah ruang memohon semakan kehakiman terhadap jawatankuasa fatwa di Mahkamah Tinggi Syariah.

Menurut affidavit sokongan yang difailkan Pengarah Eksekutif SIS Forum (Malaysia), Rozana Mohd. Isa, DUN Selangor tiada kuasa untuk menggubal Seksyen 66A kerana Butiran 1, Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan hanya membenarkan ia menggubal undang-undang berkaitan Syariah ke atas orang yang menganut agama Islam.

Katanya, Seksyen 66A sebaliknya memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah Selangor ke atas jawatankuasa fatwa dan majlis agama, yang bukan merupakan "orang menganut agama Islam".



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 January 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Cungkil bakat
Muka Surat	:	42



YANG Dipertua MPK, Ahmad Fadzil (tengah) bersama pemenang dalam Pertandingan Program Klang 130 di lobi Bangunan Sultan Alam Shah, MPK, Selangor baru-baru ini. - UTUSAN/NOR AZIHAN MD. GHAZALI

Cungkil bakat

MAJLIS Perbandaran Klang (MPK) baru-baru ini mengadakan Pertandingan Program Klang 130 bagi mencungkil bakat warga Klang dalam bidang videografi, fotografi dan lukisan.

Dalam pertandingan itu, Muhammad Zafri Mohd. Huzairi dinobatkan sebagai juara bagi kategori videografi dengan membawa pulang wang tunai RM2,000. Kategori videografi pula menjadi milik S.Harendra yang turut membawa pulang wang tunai RM500.

Sementara Goh Yi Ern pula muncul juara bagi kategori lukisan dengan membawa pulang wang tunai RM300. Penyampaian hadiah kepada semua pemenang berlangsung di pekarangan lobi Bangunan Sultan Alam Shah, MPK baru-baru ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 January 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	6,136 kilang mampu semar sungai
Muka Surat	:	1



KAWASAN sungai dan takungan air di sekitar Selangor yang menjadi sumber bekalan air bersih kepada penduduk di Lembah Klang bakal berdepan ancaman dengan sisa buangan apabila sebanyak 6,136 daripada 12,764 kilang berdaftar yang beroperasi di negeri itu berpotensi untuk melakukan pencemaran air.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata, kilang-kilang yang dikenal pasti itu terlibat dalam sektor pembuatan berasaskan getah dan kimia, pengilangan logam serta kilang memproses makanan dan minuman.

"Secara spesifiknya, sebanyak 1,044 kilang

menghasilkan efluen iaitu sisa buangan bahan kimia dan kumbahan, manakala 5,092 lagi kilang melibatkan pembuangan sisa pepejal industri atau sisa berjadual," kata Nor Aziah.

» LAPORAN PENUH DI MUKA 2



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 January 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	202 pencemaran dilaporkan kepada JAS sepanjang 2020
Muka Surat	:	2

202 pencemaran dilaporkan kepada JAS sepanjang 2020

SHAH ALAM – Sebanyak 202 pencemaran air dilaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dalam tempoh Januari hingga Disember tahun lalu.

Pengarah JAS Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata, pencemaran tersebut dikesan melibatkan kilang-kilang berasaskan getah seperti sarung tangan dan kilang berasaskan makanan.

Katanya, ini berikutan permintaan tinggi terhadap kedua-dua industri itu dalam memenuhi keperluan pengguna ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Mereka ini hanya mengejar output pengeluaran sehingga sistem merawat efluen atau sisa air buangan melebihi keupayaan.

"Jalan singkat adalah dengan membuang sisa berkenaan ke longkang awam dan sungai.

"Ini membuktikan mereka hanya mementingkan keuntungan berbanding menjaga alam sekitar," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau berkata, pencemaran berlaku apabila terdapat kilang yang melepaskan efluen melebihi piawai yang ditetapkan seperti keperluan oksigen biokimia

(BOD) sehingga lebih 2,000 miligram perliter (mg/L) berbanding 20 mg/L yang dibenarkan selain minyak gris sehingga 20mg/L daripada 1mg/L yang diluluskan JAS Selangor.

Ujar Nor Aziah, pencemaran melibatkan sumber air menyakikan sebanyak 61 kertas pertuduhan dibuka dan sebanyak 141 kes dikenakan kompaun maksimum RM2,000.

"Selain itu, sebanyak lapan kes pencemaran sepanjang tahun lalu telah menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) terutama Sungai Selangor bagi Fasa 1

hingga 3.

"Tiga daripada kes itu berlaku pada awal PKP dilaksanakan yang masing-masing berlaku pada 17 Mac hingga 16 April disebabkan bengkel membaiki jentera berat, kilang besi dan kolam ikan keli di daerah Hulu Selangor," katanya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan pihaknya akan terus melakukan pemantauan dan pemeriksaan mengejut menerusi Ops Sumber Air, Ops Gempur dan Ops Lembangan bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini berlaku terutama melibatkan henti tugas LRA.



NOR AZIAH



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 January 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sungai terdedah sisa air buangan
Muka Surat	:	2

JAS dedah 6,136 kilang berdaftar di Selangor berpotensi cemari sumber air

Sungai terdedah sisa air buangan

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Sebanyak 6,136 kilang terutama dalam sektor pembuatan getah dan kimia, pengilangan logam serta berasaskan makanan dan minuman berpotensi melakukan pencemaran air di negeri Selangor.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Nor Aziah Jaafar ketika mendedahkan perkara itu berkata, jumlah itu merupakan separuh daripada keseluruhan 12,764 kilang berdaftar yang menghasilkan sisa air buangan atau efluen perindustrian serta sisa berjadual.


Menurut Nor Aziah, pihaknya melakukan pemeriksaan secara bersasar berdasarkan kriteria-kriteria keutamaan seperti lokasi kilang dalam lembangan sungai yang menjadi sumber bekalan air bersih.

Selain itu, katanya, statistik juga merangkumi kilang-kilang yang pernah menerima aduan dan menghasilkan sisa berjadual yang banyak serta pernah diambil tindakan penguatkuasaan seperti pendakwaan di mahkamah dan dikenakan kompaun.

“Secara spesifiknya, sebanyak 1,044 kilang menghasilkan efluen dan 5,092 pula melibatkan sisa pepejal industri atau sisa berjadual.

“Kita sememangnya memberi perhatian supaya mereka (kilang) patuh terhadap piawai yang telah ditetapkan JAS agar tidak melakukan kesalahan berulang.

“Perkara ini pernah berlaku ke atas sebuah kilang berasaskan kimia yang dikesan melakukan



KAKITANGAN Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) memasang beg Activated Carbon bagi mengawal pencemaran bau di Sungai Kundang, Rawang pada 23 Oktober lalu.

pembuangan efluen tanpa terawat pada 9 Januari lalu,” katanya ketika ditemui Kosmo! baru-baru ini.

Beliau turut mendedahkan, modus operandi yang dilakukan oleh kilang-kilang terbabit ada-

lah menjalankan aktiviti pembuangan sisa tercemar terus ke longkang awam yang boleh menyebabkan bahan itu mengalir ke sungai berdekatan.

Katanya, semua kegiatan itu dilakukan pada waktu malam



KESAN bulh sisa Industri berasaskan bahan kimia di sebuah kilang di Shah Alam yang mengalir terus ke longkang.

dan hujung minggu dipercayai bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Ujarnya, trend pencemaran juga dilakukan menerusi lurang kumbahan yang akhirnya memasuki Loji Rawatan Kumbahan (LRK) yang dioperasikan oleh syarikat Indah Water Konsortium (IWK) seperti yang berlaku di Taman Velox, Rawang, Hulu Selangor pada November lalu.

“Kes Jalan Velox merupakan jenayah terancang kerana pihak terbabit mengetahui bahan buangan itu akan disalurkan ke-

hingga LRK seterusnya memberikan persepsi buruk kepada IWK.

“Bagaimanapun, kes tersebut dilakukan oleh premis yang beroperasi secara haram yang menjadi pusat pelupusan sisa industri,” katanya.

Nor Aziah menjelaskan, tiga buah daerah iaitu Hulu Selangor, Klang dan Shah Alam menjadi lokasi panas untuk berlakunya pencemaran air berdasarkan status kilang di kawasan berkenaan yang menghasilkan efluen industri.

“Di Hulu Selangor contohnya, kawasan industri Rawang adalah antara lokasi panas kerana mempunyai premis jentera berat, pembuatan minyak sawit dan kimia seperti kosmetik dan sabun selain guna tanah untuk sektor pertanian.

“Tambah pula, lokasi Loji Rawatan Air (LRA) seperti Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 serta LRA Rantau Panjang juga terletak dalam Lembangan Sungai Selangor berdekatan Hulu Selangor,” katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau menegaskan sebanyak 61 pertuduhan bersabit pencemaran air daripada 302 keseluruhannya telah dilakukan di mahkamah mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974

“Secara keseluruhannya, jumlah denda dikenakan kepada pesalah alam sekitar bagi semua pencemaran di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah berjumlah RM4.3 juta bagi tahun lalu (2020) berbanding RM4 juta pada tahun 2019 yang melibatkan 193 kes,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
15 January 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Telan ubat tidur 5 hari berturut-turut
Muka Surat	:	7

Nur Sajat dakwa alami depresi selepas dedahkan diri transgender

Telan ubat tidur 5 hari berturut-turut

Oleh MOHD. HAIKAL ISA

PETALING JAYA – Tidak lama selepas mendedahkan dirinya sebagai seorang transgender, usahawan kosmetik sensasi, Nur Sajat mendakwa, dia kini berdepan depresi sehingga terpaksa makan ubat tidur selama lima hari berturut-turut.

Menerusi status terbaharu di akaun Instagramnya, Sajat atau nama lengkapnya, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman memberi bayangan fikirannya sekarang seperti tidak lagi siuman.

"Orang macam saya ini tidak layak buat kebaikan. Mungkin mereka suka tengok saya melacur daripada buat kerja elok kot (agaknyanya). Orang macam saya ini tak layak hidup macam orang biasa.

"Memang kena duduk dekat lorong buat kerja massage (urut) atau melacur online. Buat sedekah itu adalah mainan agama," kata Sajat, 36, yang turut meninggalkan tanda pagar #5ha-



KERATAN Kosmo/ 12 Januari 2021.

rimakanubattidur di Instagram.

Semalam, Sajat menerusi InstaStory miliknya berkongsikan foto memakai alat pernafasan di sebuah pusat perubatan.

"Bila mati, semua akan tenang. 2021 aku nak tenang, aku nak bahagia. Aku nak hidup macam keluarga lain. Insyallah. Terima kasih, buat saya makin dekat dengan tarikh mati saya," tulisnya.

Kosmo/ baru-baru ini melaporkan, Nur Sajat melahirkan rasa kecewa selepas mendakwa kerja-kerja kebajikan yang dilakukannya tidak dipersetujui segelintir pihak.

Bukan itu sahaja, Nur Sajat mendedahkan dia sudah menjalani pembedahan penukaran

jantina.

Nama Nur Sajat kembali menjadi bualan hangat netizen selepas mendakwa, dirinya ditahan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kerana mengadakan majlis doa selamat dan bacaan Yasin di pejabatnya di Shah Alam.

Nur Sajat dilaporkan mendakwa, dia ditahan pada 6 Januari lalu di Pusat Tahanan Sementara, Kuala Kubu Bharu dan dilayan secara tidak wajar walaupun telah memberi kerjasama kepada pihak JAIS.

Difahamkan, Nur Sajat ditahan selepas mengadakan majlis doa selamat untuk anak-anak tahfiz pada 23 Februari 2018 sebelum segelintir pihak mengambil tindakan membuat laporan kepada JAIS kerana tidak berseutu dirinya berpakaian seperti seorang wanita.

JAIS pula dilaporkan berkata, pegawai penguat kuasa yang didakwa memberi layanan tidak baik kepada Nur Sajat telah dipanggil memberikan keterangan.



NAMA Nur Sajat kembali menjadi bualan hangat netizen selepas ditahan reman JAIS baru-baru.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
15 January 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Jiwa patriotik Juliana Evans
Muka Surat	:	24



Sebagai anak jati Selangor, tahap keaktifan saya di pejabat negeri ini memang sangat besar. Jadi apabila saya diarah menjadi duta, memang teruja kerana berpeluang meneroka banyak lokasi yang tidak pernah saya kunjungi di Selangor.



JULIANA EVANS (tiga dari kiri) semasa majlis pengumuman sebagai duta kempen #KeramatPusing Selangor Dulu, baru-baru ini. -ZAFADU ZAKI

Jiwa patriotik Juliana Evans

Profil Glam
 Nama: JULIANA EVANS
 Pekerjaan: DUTA

BERKUALITI seorang ibu merupakan kerajinan terbahagia. Tahun ini, wanita di dunia ini. Ibu yang bertanggung jawab terdapat dalam kehidupan anak-anak. Ibu yang bertanggung jawab terdapat dalam kehidupan anak-anak. Ibu yang bertanggung jawab terdapat dalam kehidupan anak-anak.

terlebih sibuk. Jadi, saya dapat lihat anak membesar dan itu juga saya anggap satu anugerah untuk diri sendiri.
 "Setakat ini, saya tak pernah tinggalkan anak bersama, paling lama pun, lima hari sahaja sebagai saya habiskan penggambaran untuk kempen pelancongan bersama 'Tourism Selangor, Pusing Selangor Dulu,' oleh isteri kepada Yangtuan Sultanah Shah Tengku Shah Al-Hajj Iha.
 Pada masa yang sama memuncak 22 tahun. Jue lebih tenang bersama beberapa berhadapan pada usia 20-an.
 "Saya sangat sukakan Fasa ini yang sangat suka saya kerana perkhidmatan malahan berjaya sememangnya berjalan dengan baik.
 "Kadang-kadang rasa tidak percaya saya sudah memiliki seorang anak. Anwar Allah SWT memang cantik.
 "Dia tegang anak aktif setiap hari, semasa ada kegiatan untuk saya. Dia pun dah mula berkapak dan beraksi-lah. Jadi, saya sekarang memang meminati pengalihan sebagai ibu," ujarnya.

Duta pelancongan
 Dilahirkan di Shah Alam dan pernah mewakili negeri Selangor untuk acara raka gimnastik satu ketika dahulu adalah cukup meyakinkan Jue terarah sebagai duta pelancongan Selangor.
 "Jue pernah diarah sebagai duta kempen #KeramatPusing Selangor Dulu baru-baru ini sangat berkesan dengan pemilihan tersebut kerana menaikkan jiwanya sangat dekat dengan negeri kelahiran."
 "Sebagai anak jati Selangor, tahap keaktifan saya terhadap negeri



Jue telah memulakan dengan telefon bimbit di masa muda dan menggunakan Instagram.

ini memang sangat besar. "Jadi apabila diarah menjadi duta, memang teruja kerana berpeluang meneroka banyak lokasi yang tidak pernah saya kunjungi di Selangor," ujarnya. Katanya, setiap individu pasti memiliki sifat patriotik dan sayangkan negeri kelahiran mereka.
 "Perasaan teruja ini sebenarnya lebih kepada sifat patriotik yang nakar untuk dibuktikan secara fizikal.
 "Jadi dengan mandat yang diberikan, ini penting untuk saya memulakan hal-hal yang berkaitan dengan negeri.
 "Tugas ini sangat menarik untuk dapat melakukan promosi aktiviti di

banyak lokasi.
 "Masa kecil yang paling saya gemar adalah waktu pagi di Sekinchan, masa memang sepi-jangan beranda di sana," katanya lagi.
 "Eh, betul memang berkesan sememangnya, aktris Bismillah Husein Berong berkata, dia masih aktif berkecimpung dan mengembara."
 "Semangat Perintah Kawataman Pertahanan (PKWT), masa tanpa beranda di rumah tetapi sebagai kerajinan berkesan penggambaran dimulakan semula, saya mula aktif berkecimpung untuk beberapa telefilm."
 "Masa yang baik memulakan telefilm di masa muda dan menggunakan Instagram."
 "Selain itu, saya juga baru saja mengembara ke negeri-negeri lain kerana berpeluang berkecimpung dan mempromosikan perkhidmatan dan isu berkaitan belia," ujarnya.



KERATAN AKHBAR		
15 January 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tiba masa UMNO buat pemilihan
Muka Surat	:	8

Tiba masa UMNO buat pemilihan



Masa terbaik untuk akar umbi buat pilihan tentang hala tuju parti sebelum PRU15

Seluruh Malaysia sudah mengetahui keretakan hubungan antara UMNO dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) sejak berkongsi kuasa melalui penubuhan kerajaan Perikatan Nasional (PN) sejak tahun lalu.

Namun gerakan politik terkini UMNO untuk menyingkirkan Bersatu dengan segera sebelum Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), pastinya menarik perhatian banyak pihak.

Ia bermula dengan lebih 180 UMNO bahagian di seluruh negara mengemukakan usul menolok parti diterajui Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin itu pada 3 Januari lalu.



UMNO dan Barisan Nasional (BN) kemudiannya bertindak memecat Ahli Parlimen Ketereh, Tan Sri Annuar Musa daripada jawatan Setiausaha Agung BN dan Muafakat Nasional (MN) kerana dilihat terlalu condong kepada Bersatu.

UMNO seolah-olah tidak menoleh ke belakang lagi apabila berturusan mendesak Muhyiddin meletak jawatan dan membubarkan

Parlimen dengan tiga ahli Parlimen mereka menarik sokongan terhadap kerajaan PN.

Bagaimanapun, usaha parti itu terbantu apabila proklamasi darurat diumumkan kerajaan PN pada Rabu, sekali gus menyaksikan sidang Parlimen digantung dengan PRU tidak akan dilaksanakan sekurang-kurangnya sehingga bulan Ogos hadapan.

Dalam keghairahan UMNO menuntut PRU dipercepatkan, spekulasi parti itu mahu membentuk gabungan baharu dengan parti pembangkang diketuai Datuk Seri Anwar Ibrahim semakin kuat diperkatakan.

Spekulasi itu secara tidak langsung menyebabkan perpecahan dalam parti itu dilihat semakin kritikal.



Proses menyegerakan pemilihan UMNO sebelum PRU15 membolehkan akar umbi menentukan hala tuju sebenar parti itu yang semakin bercelaru ketika ini.

Hal ini ditambah dengan kewujudan satu kelompok pemimpin yang cenderung menyokong pengekalan kerjasama kerajaan PN yang turut disertai Pas.

Senario perpecahan dalaman UMNO berkenaan adalah terdiri kumpulan yang mahu bergerak bersendirian pada PRU15, kumpulan mahu kekal bersama PN dan satu lagi kumpulan menuntut penajajaran politik baharu dengan parti pembangkang.

"Kewujudan tiga kelompok yang bertentangan dalam UMNO pada ketika ini menyebabkan masalah dalaman semakin parah, sekali gus melemahkan parti bagi menghadapi PRU akan datang.

"Pandangan saya, langkah terbaik, pemimpin UMNO tidak perlu *dispute*, kita selesaikan melalui pemilihan UMNO. Kalau rasa Presiden (Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi) tidak bagus, ahli boleh tentukan siapa yang lebih layak untuk jadi Presiden.

"UMNO perlu mempercepatkan pemilihan parti sebelum PRU15 bagi menyelesaikan konflik dalaman yang semakin kritikal," katanya kepada *Sinar Harian*.

Secara tradisinya, proses pemilihan UMNO, sama ada di peringkat akar umbi sehingga pucuk kepimpinan parti kebijaksanaan diadakan selepas pelaksanaan sesebuah pilihan raya.

Bagaimanapun, Mohamad Khir menegaskan usaha menyegerakan pemilihan UMNO penting bagi membolehkan lebih 3 juta ahli akar umbi menentukan mandat dan hala tuju

baharu parti bagi mendepani PRU15.

"Ketika ini bukan sahaja akar umbi parti, bahkan rakyat pun tidak jelas dengan hala tuju sebenar UMNO sama ada mahu bersendirian, kekal dalam PN atau bergabung dengan pembangkang bagi menghadapi pilihan raya.

"Dengan PRU15 dijangka diadakan sejurus bekalan vaksin diedarkan pada hujung Februari, saya fikir pemilihan parti boleh diadakan sekitar bulan Julai atau Ogos.

"Kelak, bila akar umbi sudah memutuskan ke mana hala tuju parti yang ingin dipilih, semua pemimpin kena akur dengan keputusan itu dan kembali bersolidariti," katanya.

Mengenai tuntutan PRU pada saat Covid-19 semakin kritikal, Mohamad Khir turut tidak bersetuju dan menyifatkan darurat sebagai jalan terbaik meredakan konflik politik negara yang tidak berkesudahan.

"Bila kita sudah janjikan sokongan kepada kerajaan PN sehingga PRU15, tunai sahaja janji. Jangan tambah masalah sedia ada. Jangan sampai rakyat kata kita gila kuasa," katanya.

Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak), Tan Sri Abdul Aziz Rahman turut menyokong pendapat Mohamad Khir itu.

Menyifatkan masalah dalaman UMNO sudah sampai ke kemuncak disebabkan kepimpinan lemah, Abdul Aziz bersetuju sudah sampai masanya parti Melayu terbesar itu menerima mandat baharu daripada akar umbi.

"Cuma budaya pemilihan UMNO itu perlu diubah dan dihindari daripada politik wang atau pengaruh *warlords*.

"Proses pemilihan yang suci akan menentukan kesucian UMNO itu sendiri. Kalau budaya politik wang masih menjadi amalan dan pilihan, UMNO tidak akan berubah sampai bila-bila," katanya.

Nada lebih keras disuarakan seorang tokoh veteran UMNO dengan menggesa mana-mana pemimpin bermasalah segera mengundurkan diri dan memberi lebih ruang kepada pemimpin lebih berkecuali demi kelangsungan politik parti itu sendiri.

"Sekarang ini, soal beralah kepada yang pemimpin lebih layak menjadi masalah besar dalam UMNO kerana ada yang tidak mahu beralah.

"Ini namanya tidak bertimbang rasa, tidak kasih dengan parti dan bersifat bodoh sombong. Akar umbi sepatutnya kena tahu beza mana kaca dan mana permata," kata Penasihat UMNO Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Beliau yang juga bekas Menteri Besar Selangor turut mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya tidak mengulangi kesilapan sewaktu PRU14 dengan hanya mengangkat pemimpin popular dalam parti sahaja, sedangkan calon tersebut ditolak rakyat.

"Soal sama ada pemilihan UMNO perlu disegerakan, itu saya serah kepada ahli-ahli parti.

"Kalau mahu *winnable leadership*, mereka akan buat ikut cara yang betul.

Kalau mahu kalah PRU, kekalkan sahaja yang mana ada," katanya.

Di sebalik desakan keras UMNO untuk menarik sokongan kerajaan PN dan menolok Bersatu, penganalisis politik veteran, Profesor Dr Hoo Kee Ping optimis parti Melayu itu akan mengekalkan kerjasama dengan Pas dan Bersatu bagi menghadapi PRU15.

Lebih menarik, gabungan tiga parti berkenaan dijangka mampu memenangi PRU15 dengan majoriti dua pertiga sekalipun pertembungan tiga penjujur untuk sebilangan kecil kerusi Parlimen antara mereka, tidak dapat dielakkan.

"UMNO sememangnya menyedari faktor Pas menyebabkan UMNO dan rakan komponen dalam BN, MCA kehilangan lebih 50 kerusi Parlimen kepada pembangkang pada PRU14.

"Mahu atau tidak, UMNO terpaksa mengekalkan kerjasama dengan PN kerana faktor kekuatan Pas mampu menghancurkan parti itu sekiranya mereka bersendirian atau bentuk jajaran baharu," katanya.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
14 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	ADN Sentosa Bantu 150 Keluarga Mangsa Banjir Di Pahang
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
14 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Bakar Daun & Ranting Kering, MPKj Keluar Notis Amaran
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
14 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	LZS Had Operasi 13 Cawangan, Tidak Jejas Agihan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
14 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	MB Ucap Selamat Hari Ponggal
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
